

# **Kesediaan Mengajar Dalam Kalangan Pelajar Tahun Akhir Pendidikan Teknikal Dan Kejuruteraan Fakulti Pendidikan Di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.**

Zainudin Bin Abu Bakar & Noorsafarina Binti Aziz

Fakulti Pendidikan

Universiti Teknologi Malaysia

**Abstrak :** Profesion perguruan merupakan profesion yang memerlukan seseorang itu menguasai pelbagai bidang sama ada pengkhususan ataupun kemahiran lain. Penyelidikan ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap kesediaan mengajar dalam kalangan pelajar Tahun Akhir Pendidikan Teknikal Dan Kejuruteraan Fakulti Pendidikan Di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai. Kajian deskriptif telah digunakan untuk mengenalpasti tiga pembolehubah iaitu pengetahuan dalam pengurusan bengkel dan bilik darjah, kemahiran dalam penggunaan teknologi maklumat dan kecekapan berkomunikasi. Instrumen kajian yang digunakan adalah berbentuk soal selidik yang telah diedarkan kepada 135 orang responden yang terdiri daripada empat program iaitu Kejuruteraan Awam, Kejuruteraan Elektrik, Kejuruteraan Jentera dan Kemahiran Hidup. Data dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package For The Social Science Version 12.00 For Windows* bagi mendapatkan nilai kekerapan, peratusan dan min. Nilai Alfa Cronbach daripada kajian rintis yang dijalankan ke atas 15 orang responden ialah 0.792. Dapatan kajian menunjukkan pelajar-pelajar Tahun Akhir Pendidikan Teknikal dan Kejuruteraan mempunyai tahap kesediaan yang sederhana dari aspek pengetahuan dalam pengurusan bengkel dan bilik darjah serta kemahiran dalam penggunaan teknologi maklumat dan kecekapan berkomunikasi. Beberapa cadangan ada dikemukakan. Cadangan kajian lanjutan juga turut dibincangkan di akhir penulisan ini untuk digunakan oleh penyelidik lain yang ingin meneruskan kajian ini dengan lebih mendalam.

*Katakunci :* kesediaan mengajar, pelajar tahun akhir, pendidikan teknikal dan kejuruteraan

## **Pengenalan**

Perkembangan dan perubahan yang berlaku dalam bidang pendidikan hari ini menuntut perubahan perspektif masyarakat terhadap profesion perguruan. Profesion perguruan tidak boleh dianggap sebagai satu kerjaya yang boleh diceburi oleh sesiapa sahaja. Bagi mereka yang mempunyai kualiti, ketrampilan, kewibawaan, kelayakan, minat, iltizam, dan berjiwa pendidik sahaja layak untuk menjadi seorang guru. Disamping menuntut kesungguhan dan tanggungjawab yang harus dipikul oleh seorang guru, pelbagai aspek telah diberi penekanan bagi memantapkan lagi kebajikan dalam profesion ini. Skim perkhidmatan guru terus diperbaiki bermula daripada pengambilan, latihan dan penempatan bagi memastikan guru-guru berpeluang menikmati skim yang setara atau lebih baik daripada skim perkhidmatan lain. Pendekatan yang digunakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia ini akan meningkat persepsi masyarakat terhadap profesion perguruan dan sekaligus memartabatkan profesion ini di mata dunia (Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010).

Cabaran-cabaran guru pada hari ini bergantung sepenuhnya kepada objek pendidikan negara dan matlamat sesuatu kurikulum. Setiap kali berlakunya perubahan maka setiap kali itu jugalah kewibawaan seseorang guru tercabar (Abdul Rauf dan Abdullah dalam Anida 2000). Dalam jangkamasa panjang, kita boleh melihat perubahan-perubahan yang berlaku pada guru-guru sama ada dari segi fizikal, mental ataupun tingkah laku. Menurut Anida (2000), terdapat 76.3% guru-guru meluahkan ketidakpuasan mereka terhadap profesion perguruan di mana

banyak bebanan yang terpaksa dipikul oleh mereka setiap hari. Selain daripada aktiviti pengajaran, guru-guru juga terlibat secara langsung dalam beberapa aktiviti di luar sekolah seperti ko-kurikulum, sukan dan kelas tambahan. Aktiviti-aktiviti ini terpaksa dilakukan oleh guru-guru walaupun segala keringat mereka tidak dibayar dalam apa jua bentuk.

Seseorang yang ingin memilih profesion perguruan seharusnya berfikir panjang dalam membuat keputusan tentang pemilihan kerjaya mereka. Holland (1973) menyatakan bahawa perbuatan mengambil keputusan mengenai pemilihan kerjaya adalah amat penting supaya seseorang individu dapat memperolehi kepuasan dari pekerjaannya. Ketidaksesuaian pemilihan kerjaya akan menyebabkan seseorang itu tidak mendapat kepuasan kerja, tidak dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran kerja secara efektif dan individu tersebut berkemungkinan akan meninggalkan pekerjaannya begitu sahaja. Anida (2000) menyatakan bahawa antara sebab utama guru bersara lebih awal adalah kerana masalah kesihatan dan bebanan tugas.

### **Penyataan Masalah**

Sebelum seseorang itu menjawat jawatan atau gelaran sebagai seorang guru, mereka perlu melengkapkan diri dalam segala hal. Selain menguasai dalam bidang pengkhususan, seseorang guru itu perlulah mempunyai pengetahuan dan kemahiran lain yang berkait rapat dalam bidang pendidikan. Dalam penyelidikan ini, ianya memfokuskan kepada tiga aspek penting iaitu pengetahuan dalam pengurusan bengkel dan bilik darjah, kemahiran dalam penggunaan teknologi maklumat dan kecekapan berkomunikasi. Ketiga-tiga aspek ini penting bagi seorang yang bergelar pendidik.

### **Objektif Kajian**

Objektif kajian secara amnya adalah untuk mengetahui kesediaan mengajar dalam kalangan pelajar Tahun Akhir Pendidikan Teknikal dan Kejuruteraan Fakulti Pendidikan Di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai. Pelajar-pelajar Tahun Akhir ini terdiri daripada program Kejuruteraan Awam, Kejuruteraan Elektrik, Kejuruteraan Jentera dan Kemahiran Hidup. Maka disini dijelaskan objektif secara khusus iaitu:-

- a) Mengenal pasti tahap pengetahuan dalam pengurusan bengkel dan bilik darjah dalam kalangan pelajar Tahun Akhir Pendidikan Teknikal dan Kejuruteraan Fakulti Pendidikan di UTM, Skudai.
- b) Mengenal pasti tahap kemahiran dalam penggunaan teknologi maklumat dalam kalangan pelajar Tahun Akhir Pendidikan Teknikal dan Kejuruteraan Fakulti Pendidikan di UTM, Skudai.
- c) Mengenal pasti tahap kecekapan berkomunikasi dalam kalangan pelajar Tahun Akhir Pendidikan Teknikal dan Kejuruteraan Fakulti Pendidikan di UTM, Skudai.

### **Kepentingan Kajian**

Kepentingan utama kajian ini dijalankan adalah untuk melihat sendiri kesediaan mengajar dalam kalangan pelajar Tahun Akhir Pendidikan Teknikal dan Kejuruteraan Fakulti Pendidikan Di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai dalam beberapa aspek seperti tahap pengetahuan dalam pengurusan bengkel dan bilik darjah, tahap kemahiran dalam penggunaan teknologi maklumat dan tahap kecekapan berkomunikasi. Adalah diharapkan agar kajian yang dijalankan ini sedikit sebanyak dapat membantu beberapa pihak yang terlibat seperti pelajar-pelajar Tahun

Akhir PTK itu sendiri serta pihak Fakulti Pendidikan, UTM khususnya kepada Jabatan Pendidikan Teknikal dan Kejuruteraan.

### **Rekabentuk Kajian**

Kajian yang dijalankan ini adalah suatu kajian penyelidikan yang berbentuk perihal atau deskriptif dengan menggunakan soal selidik sebagai alat pengumpulan data. Deskriptif adalah penulisan untuk menerangkan satu keadaan atau situasi secara bersistem dan berfakta dengan tepat (Mohd Najib, 1998). Kenyataan ini turut disokong oleh Mokhtar (1999) yang menyatakan penyelidikan deskriptif bermatlamat untuk menerokai sesuatu bidang yang belum atau kurang dikaji bagi menjelaskan sesuatu keadaan atau fenomena yang sedang berlaku. Teknik penyelidikan melalui kaedah tinjauan adalah satu kaedah yang mudah iaitu dimana sampel diberikan alat untuk dipenuhi maklumat dan maklumat diproses mengikut kaedah analisis yang dirancang oleh penyelidik (Mohd Najib, 2003). Selain itu, kesesuaian terhadap kajian mengenai ciri-ciri, pendapat, tingkah laku dan keadaan orang dalam kawasan tempatan menyebabkan kaedah tinjauan ini diperlukan (Mohd Majid, 1990). Beliau juga berpendapat bahawa kaedah tinjauan yang digunakan ini dapat memberikan gambaran tepat berkaitan dengan nilai, sikap dan kepercayaan komuniti.

### **Responden Kajian**

Populasi kajian ini terdiri daripada 150 orang pelajar Tahun Akhir Pendidikan Teknikal dan Kejuruteraan Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. Mereka merupakan pelajar-pelajar Tahun Akhir yang akan menamatkan pengajian pada sesi 2007 / 2008 iaitu pada semester II. Jumlah populasi ini merangkumi pelajar-pelajar Tahun Akhir PTK yang terdiri daripada empat program pengajian di Fakulti Pendidikan iaitu Kejuruteraan Awam, Elektrik, Jentera (Mekanikal) dan Kemahiran Hidup. Oleh kerana saiz populasi yang kecil maka dengan ini pengkaji mengambil keputusan untuk menggunakan 135 orang pelajar yang terlibat sebagai responden dalam kajian ini. Perincian jumlah responden yang terlibat dapat dilihat dalam Jadual 3.1 dibawah.

**Jadual 1 : Jumlah Responden Kajian**

<b>BIL.</b>	<b>PROGRAM</b>	<b>SAMPEL</b>
1.	Kejuruteraan Awam	30
2.	Kejuruteraan Elektrik	33
3.	Kejuruteraan Jentera (Mekanikal)	16
4.	Kemahiran Hidup	56
<b>JUMLAH</b>		<b>135</b>

### **Instrumen Kajian**

Instrumen kajian yang digunakan adalah berbentuk soal selidik yang telah diedarkan kepada responden bagi mendapatkan maklumbalas. Menurut Mohd Najib (1999), kaedah tinjauan menggunakan soal selidik adalah salah satu kaedah yang paling popular digunakan kalangan penyelidik kerana mudah ditadbir setelah dibina dengan baik dan data juga senang diproses untuk dianalisis. Selain itu, beliau juga berpendapat soal selidik merupakan satu cara yang

mudah untuk mendapatkan maklumat dan memerlukan masa yang sedikit untuk menjawab item-item soalan yang dikemukakan.

Kenyataan ini juga turut disokong oleh Tuckman (1978) yang menyarankan bahawa soal selidik lebih mudah untuk mendapatkan kerjasama daripada responden kerana mereka bebas memilih dan menyarankan pandangan, penilaian mengikut kehendak soal selidik serta tahu apa yang difikirkan untuk menjawab. Menurut Ee, Ah Meng (1989), menjelaskan soal selidik mempunyai kebaikannya iaitu :-

- a) Soal selidik boleh digunakan dalam satu kumpulan yang ramai dan maklumat dari mereka boleh dikutip sekaligus.
- b) Masa dan perbelanjaan dapat dijimatkan.
- c) Soal selidik boleh dicuba terlebih dahulu untuk menentukan sama ada responden dapat menjawabnya dengan senang ataupun tidak.

Dalam kajian ini, penyelidik membentuk soal selidik berdasarkan kajian-kajian lepas seperti yang digunakan oleh Norazif (2007), Mohd Zuraidi (2007), Norhafizah (2004) dan Farriz (2003) serta berdasarkan pandangan atau idea pengkaji sendiri yang merangkumi aspek-aspek kajian yang dikaji. Penyelidik menyerahkan satu set soal selidik kepada setiap responden yang perlu menjawab kesemua item yang dikemukakan secara bertulis berdasarkan kepada arahan-arahan yang diberikan. Soal selidik yang dibentuk oleh penyelidik dapat dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B.

### **Kajian Rintis**

Sebelum menjalankan kajian sebenar, penyelidik melakukan beberapa kajian ke atas item-item soalan. Langkah pertama adalah kajian dalaman iaitu memberi soal selidik kepada dua orang pensyarah UTM dari Jabatan Pendidikan Teknikal dan Kejuruteraan, Fakulti Pendidikan iaitu Encik Mohsin Bin Uzir dan Encik Asnul Dahar Bin Minghat untuk memerhati dan memperbetulkan item soalan yang tidak jelas. Semua komen dan cadangan yang membabitkan pembetulan item dilakukan sebelum membuat set soal selidik yang sebenar.

Langkah kedua adalah penyelidik membuat kajian rintis dengan menggunakan 15 orang pelajar-pelajar Tahun Akhir Pendidikan Teknikal dan Kejuruteraan Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia yang dipilih secara rawak dalam program pengajian yang diikuti. Responden kajian rintis ini terdiri daripada pelajar-pelajar Tahun Akhir PTK yang tidak terlibat dalam kajian sebenar. Jadual 3.4 menunjukkan bilangan responden mengikut empat program yang terlibat dalam kajian rintis.

**Jadual 2 : Bilangan Responden Yang Terlibat Dalam Kajian Rintis**

BIL.	PROGRAM	SAMPEL (KAJIAN RINTIS)
1.	Kejuruteraan Awam	3
2.	Kejuruteraan Elektrik	3
3.	Kejuruteraan Jentera	4
4.	Kemahiran Hidup	5
<b>JUMLAH</b>		<b>15</b>

Tujuan utama kajian rintis ini adalah untuk mengesan dan mengenalpasti sesuatu pernyataan yang tidak sesuai dan juga boleh mengelirukan responden semasa menjawab borang soal selidik. Kamarudin (1990) menyatakan bahawa tujuan untuk menguji soal selidik adalah untuk menentukan:-

- a) Soalan-soalan untuk mendapatkan maklumat yang boleh memenuhi objektif kajian.
- b) Semua fasa penting kajian telah dirangkumi
- c) Memastikan soalan-soalan membolehkan kerjasama responden
- d) Soal selidik ditadbir secara lancar.
- e) Soalan difahami sepenuhnya oleh responden dan penemuduga.

Selain itu, kajian rintis ini juga adalah untuk mengenalpasti kesukaran-kesukaran item seperti kesalahfahaman soalan oleh responden, item yang mengelirukan berdasarkan maklumbalas yang diberikan oleh responden, arahan yang tidak jelas dan masalah-masalah yang berkaitan. Pengkaji menggunakan ujian kebolehpercayaan dalam perisian SPSS (*Statistical Package For The Social Science*) untuk mengukur kebolehpercayaan instrumen kajian. Nilai Alfa Cronbach daripada kajian rintis yang dijalankan ke atas 15 orang responden ialah 0.792. Berdasarkan Pekali Alpha Cronbach, nilai yang boleh diterima dalam satu kajian ialah 0.8 – 1.0 seperti yang terdapat dalam Jadual 3.5 (Mohd Najib, 1999).

**Jadual 3 : Pekali Alpha Cronbach**

NILAI	TAHAP	RUMUSAN
0.0 – 0.2	Rendah	Ubah semua item
0.2 – 0.8	Sederhana	Ubah sebilangan item
0.8 – 1.0	Tinggi	Item boleh diterima

**Sumber :** Mohd Najib (1999). Penyelidikan Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia : Fakulti Pendidikan.

Oleh yang demikian, tahap kebolehpercayaan bagi item-item soal selidik yang dibuat oleh pengkaji adalah berada pada tahap sederhana iaitu item boleh diterima. Maka dengan ini, soal selidik yang dibina oleh pengkaji boleh digunakan untuk kajian ini dengan baik.

## **Analisis Data**

**Jadual 4 : Analisis Min Mengikut Pembolehubah Dikaji**

PEMBOLEHUBAH	NILAI MIN	TAHAP
Pengetahuan dalam pengurusan bengkel dan bilik darjah	2.71	Sederhana
Kemahiran dalam penggunaan teknologi maklumat	2.88	Sederhana
Kecekapan berkomunikasi	2.62	Sederhana
<b>PURATA KESELURUHAN</b>	<b>2.74</b>	<b>SEDERHANA</b>

Jadual 4 diatas menunjukkan analisis keseluruhan bahagian B yang merangkumi tiga aspek utama dalam persoalan kajian. Bagi persoalan kajian kedua iaitu kemahiran dalam penggunaan teknologi maklumat mencatatkan nilai min tertinggi iaitu sebanyak 2.88 iaitu pada tahap sederhana dan kemudian diikuti dengan persoalan kajian pertama iaitu dari aspek pengetahuan dalam pengurusan bengkel dan bilik darjah iaitu sebanyak 2.71 dan berikutnya iaitu persoalan kajian ketiga iaitu dari aspek kecekapan berkomunikasi sebanyak 2.62. Purata keseluruhan nilai min yang diperolehi daripada bahagian B ini adalah sebanyak 2.74 iaitu berada di tahap sederhana. Ini jelas menunjukkan bahawa ketiga-tiga persoalan kajian ini perlu diperkukuhkan lagi dengan beberapa item bagi memantapkan lagi pengetahuan serta kemahiran yang dimiliki.

### **Perbincangan**

Secara keseluruhan hasil dapatan menunjukkan bahawa pengetahuan pelajar-pelajar Tahun Akhir PTK dalam pengurusan bengkel dan bilik darjah adalah ditahap sederhana. Terdapat beberapa perkara yang perlu diperbaiki dalam pengurusan bengkel iaitu dari segi penggunaan alat perlindungan diri, penjagaan dan penyelenggaraan peralatan dan pengetahuan dalam pertolongan cemas. Selain itu, hasil dapatan juga menunjukkan dengan jelas dimana seramai 111 orang responden bersetuju bahawa mereka boleh menguruskan bengkel dan bilik darjah dengan berkesan yang merangkumi pelbagai aspek. Ini bertepatan dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh Wan Ahmad dalam Hussein (1993), menjelaskan bahawa tugas-tugas yang perlu dilaksanakan di dalam bengkel adalah seperti merancang iaitu menentukan objektif, merkabentuk ruang, susunatur, mengelola iaitu bahan dan alatan, mengarah iaitu pekerja, menyelaraskan iaitu kerjasama ahli atau guru dan mengawal iaitu keselamatan.

Bagi mengelakkan sebarang kemalangan daripada berlaku, pelajar-pelajar perlu melengkapkan diri dengan alat perlindungan keselamatan diri bersesuaian dengan kerja yang dilakukan di dalam bengkel. Daripada analisis yang dibuat, seramai 114 orang responden tidak bersetuju dengan pernyataan yang diberikan iaitu mereka tidak suka menggunakan alat perlindungan diri ketika melakukan kerja amali di dalam bengkel. Ini jelas menunjukkan bahawa pelajar-pelajar Tahun Akhir ini mengetahui betapa pentingnya memakai alat perlindungan diri

ketika melakukan kerja-kerja amali dalam bengkel. Selain daripada keselamatan diri terjamin, ianya juga dapat memanjangkan jangka hayat peralatan tersebut. Ini bertepatan dengan kenyataan Halimaton dan Zaiton (1994) yang menjelaskan bahawa keselamatan bengkel boleh dimaksimumkan jika peraturan memakai dan menggunakan alat perlindungan keselamatan diri diamalkan. Kenyataan ini turut disokong oleh Shotbolt (1982) yang mana pelajar-pelajar perlu melengkapkan diri dengan alat perlindungan keselamatan diri semasa melakukan kerja di dalam bengkel. Hamilton (1983) menjelaskan bahawa guru bengkel harus mendemonstrasikan cara penggunaan dan penjagaan alat perlindungan keselamatan diri supaya ia tahan lama dan selamat digunakan.

Dalam aspek pengurusan bilik darjah pula antara perkara yang perlu diperbaiki ialah mengetahui cara atau kaedah yang sesuai untuk mengawal disiplin pelajar-pelajar yang nakal di dalam kelas. Kenyataan ini diperkukuhkan lagi hasil analisis yang dibuat ke atas pelajar-pelajar Tahun Akhir PTK yang mana seramai 118 orang responden sahaja yang mengetahui cara terbaik untuk mengatasi masalah ini. Menurut Asmah (1989), bilik darjah boleh didefinisikan sebagai tempat bagi sesuatu proses pembelajaran dilaksanakan dan merupakan tempat bagi setiap pelajar dan guru berbincang tentang pelajaran. Sekiranya guru-guru tidak dapat mengawal disiplin pelajar-pelajar yang nakal di dalam kelas maka definisi ini tidak akan tercapai objektifnya. Selain itu, cara untuk mengatasi masalah ini adalah dengan cara guru-guru menunjukkan ketegasan dalam mewujudkan persekitaran pembelajaran yang sesuai (Kamarudin, 1986). Perkara ini perlu dititikberatkan kerana masalah ini boleh mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran dalam kelas dan kemungkinan masalah ini boleh menyebabkan masalah lain timbul seperti kes buli.

Secara keseluruhan hasil dapatan menunjukkan bahawa kemahiran pelajar-pelajar Tahun Akhir PTK dalam penggunaan teknologi maklumat adalah ditahap sederhana. Namun, masih terdapat beberapa perkara yang perlu diperbaiki dalam aspek ini iaitu menangani masalah teknikal semasa menggunakan komputer, penggunaan teknologi komunikasi dan perisian pembangunan laman web. Hasil dapatan juga menunjukkan dengan jelas seramai 123 responden bersetuju yang mereka boleh menggunakan teknologi maklumat.

Dalam bidang perguruan, penggunaan teknologi komunikasi amat penting untuk diterokai oleh guru-guru khususnya bagi bakal-bakal guru yang akan memulakan alam pekerjaan. Dalam teknologi komunikasi, pelbagai ciptaan baru telah diperkenalkan dan tujuan utamanya adalah untuk mempercepatkan perhubungan antara satu sama lain. Daripada hasil dapatan yang diperolehi menunjukkan seramai 119 orang responden bersetuju yang mereka mempunyai kemahiran dalam menggunakan teknologi komunikasi seperti mel elektronik, IRC dan Telnet bagi tujuan perhubungan. Dengan memiliki kemahiran dalam penggunaan teknologi komunikasi, bakal-bakal guru dapat membantu dalam melicinkan lagi proses pengajaran kepada pelajar-pelajar. Ini bertepatan dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Norma (1995) keatas pelatih-pelatih Maktab perguruan Teknik, Kuala Lumpur mendapati bahawa para guru pelatih bersetuju bahawa penggunaan komputer dalam proses pengajaran adalah penting.

Seramai 100 orang responden bersetuju bahawa mereka boleh menggunakan perisian pembangunan laman web bagi membangunkan laman web sendiri. Ini jelas menunjukkan bahawa pelajar-pelajar Tahun Akhir PTK ini mengaplikasikan sepenuhnya teori yang diperolehi semasa kuliah bagi kursus Komunikasi dan Rangkaian untuk digunakan sepenuhnya dalam membangunkan laman web mereka. Ini sedikit sebanyak menunjukkan minat pelajar-pelajar PTK ini dalam bidang teknologi maklumat walaupun ilmu yang diperolehi oleh mereka adalah asas semata-mata. Selain daripada menggunakan perisian pembangunan laman web, bakal-bakal guru ini juga mahir dalam menggunakan perisian CAD dan microsoft office dalam membantu

melicinkan proses pengajaran. Hal ini tidak bertepatan dengan dapatan kajian yang dibuat oleh Saipol (2000) ke atas guru-guru agama di Sekolah Menengah Daerah Batang yang mana mereka hanya mempunyai kemahiran asas menggunakan komputer untuk tujuan menaip dokumen dan kerja-kerja berkaitan penulisan tetapi tidak berkemampuan untuk membina perisian multimedia sendiri walaupun yang mudah untuk digunakan dalam proses pengajaran di dalam kelas.

Secara keseluruhan hasil dapatan menunjukkan bahawa kecekapan pelajar-pelajar Tahun Akhir PTK dalam berkomunikasi adalah ditahap sederhana. Namun, masih terdapat beberapa perkara yang perlu diperbaiki dalam aspek ini iaitu penggunaan Bahasa Inggeris, penguasaan Bahasa Inggeris dan penulisan rancangan mengajar. Selain itu, daripada hasil dapatan yang diperolehi juga menunjukkan hanya 102 responden bersetuju yang mereka mahir dalam berkomunikasi.

Daripada analisis yang diperolehi seramai 76 orang daripada responden bersetuju yang mereka akan menggunakan Bahasa Inggeris sepenuhnya dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang akan datang. Ini jelas menunjukkan bahawa pelajar-pelajar Tahun Akhir PTK ini berkeyakinan untuk menggunakan Bahasa Inggeris sepenuhnya untuk proses pengajaran dan pembelajaran kelak. Menurut Imanuel dalam Sa'ibah (2000), menyatakan bahawa kebolehan berbahasa dengan baik amat penting untuk menyampaikan sesuatu idea, pengalaman dan sebagainya. Walaupun kita banyak idea namun jika tidak boleh menyampaikan dengan baik dan berkesan maka idea itu dianggap tidak bermakna.

Kesimpulannya, untuk aspek ini iaitu kemahiran komunikasi menunjukkan pelajar-pelajar Tahun Akhir PTK sememangnya bersedia untuk menggunakan Bahasa Inggeris sepenuhnya dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang akan datang. Ini menunjukkan keyakinan mereka untuk menggunakan bahasa inggeris semasa bekerja nanti. Perkara ini tidak bertepatan dengan hasil dapatan yang dijalankan oleh Ahmad Yuzaidi (2003), yang mana guru-guru yang berada disekolah sememangnya mempunyai kemahiran yang baik dalam Bahasa Inggeris tetapi masih belum bersedia untuk menggunakan Bahasa Inggeris dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran disekolah-sekolah.

## **Rujukan**

- Atan Long (1982). *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Azahari Md Salleh (1992). *Pengurusan Industri*. Johor Bharu : JJ Computer Publication.
- Baird, R.J (1972). *Contemporary Industrial Teaching*. U.S.A ; The Goodheart-Willrox.
- Bleum, B.S (1966). *The New Direction In Education Research*. New York : Holt Rinehart and Winston.
- Cooper, R.K and Sawaf, A (1997). *Executive EQ : Emotional Intelligence I Leadership And Organization*. New York : Grosset / Putnam.
- Ee Ah Meng (1989). *Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling*. Kuala Lumpur : Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Farriz Izzwan Khairulanuar (2003). *Kesediaan Bakal Guru Tahun Akhir Pendidikan Teknik dan Vokasional Dalam Menempuh Kerjaya Di Sekolah Menengah Teknik*. Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana Muda.
- George Storm (1979). *Managing The Occupational Education Laboratory*. London.
- Hussein Mahmood (1993). *Kepimpinan Dan Keberkesanan Sekolah*. Cetakan Pertama. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.



- Ibrahim Ahmad Bajunid (1995). *Peningkatan Pelbagai Jenis Literasi Khususnya Literasi Saintifik Dan Teknikal : Ke Arah Pemantapan Martabat Kepimpinan Yang Unggul*. Jurnal Pengurusan Pendidikan 4 (2). Halaman 1 – 19
- Jawatankuasa Keselamatan Bengkel (1977). Kuala Lumpur : Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Jusni Nasirun (1995). *The Attitudes Of Lecturers In Darul Aman Teacher Training Institute Towards The Professional Use Of Computer*. University Of Houston : Tesis Sarjana.
- Knapp, M (1972). *Non Verbal Communication in Human Interaction*. New York : Holt, Rinehart and Winston.
- Md Razali Md Yusof (1998). *Pengetahuan Pertolongan Cemas Di Kalangan Guru 4 SPA/E/H/J (KDPK) Di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia*. Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana Muda
- Norma Daud (1995). *Penggunaan Komputer Oleh Pensyarah PTV Di Maktab Perguruan Teknik, Kuala Lumpur*. Kajian Ilmiah Srjana Pengurusan Teknologi Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia : Tidak Diterbitkan.
- Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006 – 2010. Kuala Lumpur : Kementerian Pelajaran Malaysia
- Rohani Muhamad (1999). *Mengenalpasti Permasalahan Pengajaran Matapelajaran Teknologi Kejuruteraan Di Kalangan Guru-guru di Sekolah Menengah Di Negeri Johor*. Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana Muda
- Saipol Bahrin bin Sulaiman (2000). *Tahap Pengetahuan Asas Tentang Komputer dan Multimedia Di Kalangan Guru-guru Agama Sekolah Menengah Daerah Batang Padang, Perak*. Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana Muda
- Tuckman, B.W (1978). *Conducting Educational Research*. New York : Harcourt Brace Jovanovick
- Yahya Emat (1993). *Pendidikan Teknik dan Vokasional Di Malaysia*. Petaling Jaya : IBS
- Zarinah Yahaya (1996). *Guru Lemas Dalam Internet*. Utusan Malaysia, 5 November 1996